

29 APR 2003

MTUC-Aduan/I

GAGAL SAHKAN KONVENSYEN 87: MTUC MAHU ADU KEPADA ILO

KUALA LUMPUR, 29 April (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) mahu membuat aduan kepada Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) berhubung kegagalan kerajaan mengesahkan Konvensyen 87 ILO mengenai kebebasan berserikat dan perlindungan hak untuk menganjur.

"Majlis Am MTUC memutuskan untuk memfailkan aduan kepada Jawatankuasa ILO mengenai Kebebasan Berserikat tentang kegagalan kerajaan Malaysia untuk mengesahkan Konvensyen 87 ILO yang diterima pakai pada 1948," kata Setiausaha Agung MTUC G. Rajasekaran dalam satu kenyataan di sini, hari ini sempena sambutan Hari Pekerja 1 Mei pada Khamis ini.

Beliau turut mengaitkan perkara itu dengan kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada persidangan ILO di Geneva tahun lepas.

"Pengumuman yang dinanti-nantikan mengenai pengesahan Konvensyen 87 ILO oleh perdana menteri kita dalam ucapan bersejarahnya pada persidangan ILO pada Jun 2002 didapati tidak dibuat," katanya.

Rajasekaran turut mendakwa berlakunya peningkatan ketara dalam pencabulan hak kesatuan sekerja dan aktiviti menggagalkan penubuhan kesatuan oleh pihak-pihak yang antikesatuan.

Beliau berkata pada masa ini, kira-kira 10 majikan tidak mengendahkan arahan Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn supaya memberi pengiktirafan kepada kesatuan.

Rajasekaran juga membidas jentera penyelesaian pertikaian di bawah Jabatan Perhubungan Perindustrian yang menurutnya sangat tidak efisien dan pekerja-pekerja yang diberhentikan terpaksa menunggu lebih dua tahun untuk membawa kes mereka ke Mahkamah Perindustrian.

Beliau turut mendakwa tiadanya sebarang kemajuan dalam semakan semula tiga akta pekerja iaitu Akta Pekerjaan, Akta Perhubungan Perindustrian dan Akta Kesatuan Sekerja.

Sementara itu Presiden MTUC Senator Zainal Rampak meminta Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) meluaskan liputannya kepada golongan pekerja sektor tidak rasmi seperti nelayan, petani dan peruncit bagi memastikan keluarga mereka dilindungi dari segi kewangan jika sesuatu berlaku kepada mereka di tempat kerja.

Perkara itu perlu ditangani segera selaras dengan penekanan mewujudkan masyarakat penyayang, katanya dalam kenyataan berasingan di sini.

"Pekerja-pekerja ini tidak mempunyai sebarang insurans pekerjaan untuk melindungi kematian atau kecederaan pada masa ini dan sangat memerlukannya sekarang," katanya.

Sambil menyambut baik garis panduan baru bagi Penilaian Kecederaan Trauma Penyakit dan Tidak Sah Pekerjaan oleh Perkeso, Zainal berkata Perkeso sepatutnya pada masa yang sama mengamalkan simpati dan pertimbangan kemanusiaan apabila membuat penilaian daripada pihak yang menuntut.

Beliau bersetuju dengan tindakan Perkeso terhadap kes-kes cubaan menipu dengan memalsukan maklumat berhubung penyakit dan ketidakupayaan bagi mendapatkan pampasan tetapi meminta Perkeso memberi perhatian terhadap kes-kes tulen yang ada di antaranya ditolak oleh Lembaga Rayuan atau menunggu keputusan.

Beliau berkata Perkeso sepatutnya bertanggungjawab terhadap tuntutan itu kerana ia dikemukakan golongan pekerja yang berpendapatan rendah dan sederhana kerana hanya mereka yang bekerja dalam keluarga besar.

-- BERNAMA

HM NM NAK